



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. TUAN HAJI JOHARI BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERTANIAN
(PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PENGEMBANGAN)**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
SEMINAR AGROSAINS JABATAN PERTANIAN
TAHUN 2025**

**19 NOVEMBER 2025 | RABU
DEWAN SERBAGUNA KPKM**



1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Majlis Perasmian Penutupan Seminar Agrosains Jabatan Pertanian Tahun 2025.
2. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan selaku penganjur, para moderator, para pembentang kertas kerja serta semua peserta yang telah menjayakan seminar ini dengan jayanya.

Sidang hadirin sekalian,

3. Transformasi sektor pertanian seperti yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2.0) hanya dapat direalisasikan melalui pembangunan modal insan yang berterusan, komprehensif dan berkualiti. Justeru, Jabatan Pertanian menetapkan penganjuran seminar ini sebagai acara tahunan bagi menyediakan platform rasmi perkongsian ilmu daripada pegawai yang mengikuti latihan di luar negara.
4. Selaras dengan teras “Daya Cipta” dalam kerangka Malaysia MADANI, saya percaya pembentangan sebelas (11) laporan latihan luar negara dan satu (1) tesis pengajian pada tahun ini dapat memperluas perspektif kita semua. Setiap teknologi, inovasi dan pendekatan baharu yang dikongsikan mampu disesuaikan dengan keperluan tempatan serta dimanfaatkan untuk pembangunan industri pertanian negara.

5. Saya turut berharap agar peluang latihan di luar negara dan penajaan pengajian yang diberikan oleh kerajaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kompetensi serta memperkukuh profesionalisme pegawai. Hanya dengan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing, Jabatan Pertanian akan terus kekal relevan dan menjadi peneraju utama pembangunan pertanian negara.

Sidang hadirin sekalian,

6. Pada kesempatan ini, izinkan saya menegaskan komitmen kerajaan untuk memperkukuh keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam melalui Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA). Sehubungan itu, saya menyeru seluruh warga Jabatan untuk terus menghayati lima (5) nilai utama ARPA: Integriti, Prestasi, Inovasi, Kolaborasi dan Empati dalam setiap urusan yang melibatkan rakyat dan pemegang taruh.
7. Justeru, setiap pegawai perlu sentiasa meningkatkan kemahiran dan etika kerja melalui program latihan seperti seminar, kursus dan bengkel. Perkhidmatan kita mestilah berteraskan pendekatan “people-centric” dengan keutamaan kepada kecekapan, inovasi dan tadbir urus yang berintegriti.
8. Saya juga menyeru semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri untuk meneliti, menilai dan memanfaatkan sepenuhnya laporan latihan luar negara yang dibentangkan. Berikan ruang dan kepercayaan kepada pegawai untuk mengaplikasikan

idea, teknologi dan inovasi tersebut di tempat kerja serta bersama petani. Inilah budaya kolaborasi ilmu dan peningkatan prestasi berterusan yang selari dengan prinsip prestasi berasaskan hasil seperti yang ditekankan dalam ARPA. Bagi pegawai yang tidak berpeluang membentangkan laporan pada seminar ini, saya menggalakkan agar sesi perkongsian ilmu dilaksanakan di pejabat masing-masing.

Hadirin yang dihormati,

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan syabas kepada semua pihak yang telah menjayakan penganjuran seminar ini. Saya yakin platform ini akan terus memperkukuh budaya pembelajaran dan perkongsian ilmu dalam kalangan warga Jabatan.
10. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan Seminar Agrosains Jabatan Pertanian Tahun 2025.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.